

# TAHNIAH GRADUAN

SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-7  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Daripada :

Canselor, Pro Canselor, Pengerusi & Ahli Lembaga Pengarah,  
Naib Canselor & Seluruh Warga UTeM



**UTeM Menjana  
Modal Insan Berdaya Saing,  
Memenuhi Keperluan Industri,  
Seiring Aspirasi Negara**

## Testimoni Alumni



Hasil pengajian di UTeM, kini saya merupakan Pengarah Urusan di sebuah syarikat yang berasaskan pembangunan perisian (Software Development) melalui pendedahan teknikal dan keusahawanan yang diterapkan sepanjang pengajian di sini. Pengajian bercorak amali tidak dinafikan memberikan nilai tambah melalui pembentangan dan kerja kumpulan melatih kemahiran dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan kompeten.

**Syed Mohd Firdaus bin Syed Abidin**  
Pengarah Urusan  
AMTIS Solution Sdn. Bhd.



Struktur kuliah, tutorial, latihan makmal, latihan praktikal, kuiz dan ujian yang mantap merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan mahasiswa UTeM di dalam industri. Segala pengalaman yang dilalui di universiti ini amat berguna di dalam kerjaya saya sekarang. Kini saya diberi kepercayaan berurusan secara langsung dengan golongan profesional dari pelbagai negara seperti Filipina, Jerman, Itali, Slovakia, Australia dan Amerika Syarikat.

**Noraisha h binti Kamarudin**  
Eksekutif Teknologi Maklumat  
DK Composites Sdn Bhd



Pengajian di UTeM memberikan kelebihan kepada saya untuk menyesuaikan diri dengan perkitaran industri yang mencabar. Peralatan yang digunakan di fakulti secara keseluruhannya telah banyak memberikan pendedahan yang berguna kepada saya. Corak pembelajaran secara hands-on dan berfokus sangat relevan dengan keperluan industri menjadikan graduan UTeM sentiasa laris di pasaran kerja.

**Zulfadhli bin Yunus**  
Ketua Jabatan Mekanikal  
CTL Asia Sdn. Bhd.



“ Hubungan erat di antara UTeM dan industri telah berjaya melahirkan graduan yang kompeten dan mampu menyesuaikan diri dalam persekitaran mencabar. Saya amat berpuashati dengan prestasi graduan UTeM yang bekerja di syarikat ini. Mereka memiliki pengetahuan dan kemahiran se cara praktikal yang sangat diperlukan dalam industri berteknologi tinggi ”

**Nor Azham Baharin**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
CTL Asia Sdn Bhd  
Anak syarikat CTRM



Pengalaman yang paling manis buat saya ialah ketika mengikuti pengajian di UTeM. Suasana pembelajaran kondusif, pensyarah yang berdedikasi serta kemudahan pembelajaran berteknologi tinggi merupakan faktor kepada kejayaan saya. Saya berbangga kerana menjadi sebahagian daripada warga UTeM.

**Suntharesan Palani**  
Jurutera  
Dell Malaysia

## Testimoni Majikan



“ Saya amat bangga menyatakan bahawa graduan UTeM yang berkhidmat di sini mempamerkan prestasi yang cemerlang. Tahap pengetahuan mereka bersamaan dengan tiga tahun pengalaman jurutera dalam bidang pembuatan. Tahniah kerana berjaya melahirkan graduan yang cemerlang ”

**Mr. Jayasugunthan**  
Department Head  
Industrial Engineering Department  
Jabil Circuit, Pulau Pinang

**KELUARAN KHAS SEMPENA**



**Majlis  
KONVOKESYEN**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

22 - 23 OKTOBER 2011

DEWAN BESAR UTeM

**7**  
KE-



*Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh &  
Salaam 1 Malaysia,*

Segala puji-pujian bagi Allah swt, Tuhan sekalian alam yang telah mengizinkan kita bersama-sama meraikan Sambutan Majlis Konvokesyen Ke-7, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran di atas limpah kurnia dan nikmat yang begitu mendalam dan bermakna ini sebagai satu coretan sejarah bagi graduan yang telah berjaya mencapai tahap yang membanggakan ibu bapa sekalian.

Sempena berlangsungnya konvokesyen ke-7, seramai 1,502 graduan bakal menerima ijazah masing-masing. Pengijazahan merangkumi 1,141 orang bagi graduan Ijazah Sarjana Muda, 100 graduan Sarjana, 3 graduan bagi peringkat Doktor Falsafah dan 258 bagi ijazah peringkat Diploma. Di kesempatan ini, saya mengucapkan "Tahniah" kepada para graduan UTeM yang telah menamatkan pengajian mereka.

Sesungguhnya, Universiti sedang melangkah ke fasa kedua transformasi pengajian tinggi melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Melalui pelan tersebut, UTeM dilihat sedang dalam pembaikan dan peningkatan untuk terus menawarkan pengajian yang berfokuskan pendidikan teknikal. Untuk itu, UTeM sentiasa menyusun inisiatif strategik yang cemerlang agar terus menjadi pilihan pertama bagi graduan untuk menyambung pengajian mereka. Walaupun, Universiti masih baru namun berkat usaha dan komitmen berterusan, maka UTeM telah dikenali hampir diseluruh pelusuk Negara. Universiti telah menerima banyak permohonan kemasukan dan dijangkakan keadaan ini akan berterusan sejajar dengan sokongan dan aspirasi kerajaan yang menyokong kepada perkembangan inovasi dan teknologi sebagai teras Model Ekonomi Baru.

Sehubungan dengan itu, UTeM telah mengatur strategi untuk kekal relevan dan menepati kehendak pasaran. Hal ini terbukti, dengan penubuhan Fakulti baru iaitu, Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang bertujuan memenuhi aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi untuk melatih lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada perindustrian termaju negara. Malah, usaha ini diatur secara kolektif bersama Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza, hal ini dapat dilihat dengan sistem pendidikan Universiti Teknikal yang berteraskan "practical oriented" berfokus kepada "problem centered teaching, action & experiential learning". Melalui kaedah ini, graduan UTeM bukan sahaja mempunyai keterampilan tinggi, tetapi kemahiran dari segi teori yang menjurus ke arah gunaan (applied), dengan penekanan khusus kepada komponen amali yang lebih berbanding Universiti Konvensional. Faktor ini memberi kelebihan kepada graduan UTeM kerana tidak memerlukan "retooling" semasa memulakan kerja dan ini menjadikan graduan UTeM pilihan industri.

Saya berpesan kepada para graduan bahawa UTeM kini telah diberikan mandat untuk memperkukuhkan pembangunan pengajian teknikal oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kita sentiasa bersedia dan menyahut hasrat tersebut dalam mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional, sekali gus melahirkan graduan yang kompeten dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi sektor ekonomi strategik Negara. segala yang kita laksanakan ini mendapat keredaan dan ganjaran yang setimpal dari Allah.



**Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

## Jumlah Graduan

| Fakulti   | Program    |              |            |                 | Jumlah      |
|---|------------|--------------|------------|-----------------|-------------|
|   | Diploma    | Sarjana Muda | Sarjana    | Doktor Falsafah |             |
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik                             | 59         | 234          | -          | -               | 293         |
| Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer | 39         | 206          | 15         | 1               | 261         |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal                            | 67         | 251          | 2          | -               | 320         |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan                            | 42         | 233          | 23         | 1               | 299         |
| Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi                 | 51         | 217          | 25         | 1               | 294         |
| Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan            | -          | -            | 35         | -               | 35          |
| <b>Jumlah</b>   | <b>258</b> | <b>1141</b>  | <b>100</b> | <b>3</b>        | <b>1502</b> |

\*setakat 15 September 2011





# PENYELIDIK UTeM

*pamer*

## KECEMERLANGAN INOVASI di

# PECIPTA 2011

Malaysia

INCORPORATING BUSINESS  
PARTNERING SESSIONS



**15 September** : Penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai Persidangan Dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2011 (PECIPTA 2011) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM telah meraih satu anugerah khas, tiga pingat emas, enam perak dan empat gangsa menjadikan sejumlah 14 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

Produk inovasi ciptaan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Muhammad Herman Jamaluddin dan Nurul Akma Mohd Idris iaitu Motorcycle Coordinate Localization System Using GPS Technology berjaya menarik perhatian juri apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Khas pada pertandingan berprestij itu.

Menurut Herman, secara umumnya produk tersebut berupaya memberi kedudukan lokasi motorsikal melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dengan menggunakan teknologi pengesanan global (GPS) dalam tempoh hanya 19 saat.

Jelas Herman, "Produk ini bukan sahaja boleh dipasang pada motorsikal malah boleh digunakan pada kenderaan lain seperti kereta dan bas bagi tujuan pemantauan dan pengesanan lokasi dengan cepat dan tepat, katanya.

Dengan adanya produk sedemikian, pemilik kenderaan atau syarikat pengangkutan boleh mengetahui lokasi kenderaan dengan mudah serta menjimatkan kos operasi. Selain itu, ianya boleh digunakan untuk membantu menyelesaikan kes kecurian kenderaan dengan pemasangan alat tersebut, jelas Herman lagi.

Kejayaan itu turut mendapat perhatian syarikat-syarikat serta agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk tersebut ke peringkat global.

Bagi Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Ahmad Yusoff Hassan berkata, kejayaan penyelidik universiti itu di PECIPTA 2011 membuktikan bahawa hasil inovasi dari Malaysia mampu memberi impak besar kepada perkembangan teknologi masa kini.

Beliau yang ditemui berkata, "UTeM sebagai IPTA teknikal di negara ini sentiasa menggalakkan dan menggandakan usaha untuk memelopori bidang penyelidikan berteraskan teknologi tinggi bagi merealisasikan visi ke arah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia."

# BERITA

MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

SEPTEMBER 2011

### KANDUNGAN

Penyelidik UTeM Pamer Kecemerlangan Inovasi Di PECIPTA 2011 | Prof. Dr. Azali dilantik Sebagai Ahli LPU Baru - Kongsi Pengalaman dan Kepakaran Bersama UTeM | Laksana Program Mobiliti Pelajar Antara Dua Universiti - UTeM Meterai MoU Bersama UIB | Hubungan Strategik Dengan Agilent Technologies Diperluas | Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff Dilantik Sebagai Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan | Universiti Sudan Meterai MoU Bersama UTeM - Kerjasama Strategik Dalam Bidang Kejuruteraan & ICT | Konsortium Pengajian Tinggi Indonesia Berminat Jalin Kerjasama Program 'Double Degree' ICT Bersama UTeM | Program Kejuruteraan UTeM Menjadi Tumpuan Universiti Jerman | Universiti Indonesia Rangka Kerjasama Strategik Pengurusan Teknologi | UTeM Tuan Rumah Debat Alam Sekitar Peringkat IPT Malaysia | Majlis Aidilfitri Kor SUKSI Meriah | Mohd Thoriq Rangkul Anugerah Pelajar Gemilang UTeM | FPTT Raikan Penerima Anugerah Sijil Kepujian Dekan | Pendaftaran Pelajar Baru UTeM Sesi 2011/2012 Catat Peningkatan Mendadak - Pelajar Cenderung Bidang Teknikal & ICT | Universitas Kepulauan Karimun Indonesia Lawat Kemudahan Persatuan Pelajar | Minggu Haluan Siswa Berlangsung Meriah | Kolokium Penyelidikan Dan Ilmiah Anjuran PBPI - Perkongsian Hasil Penyelidikan Bermutu Tinggi | Program PINTAR Siri 6 - FKE Redah Selat Melaka | Pelajar Lulusan Diploma KKTMB Berpeluang Lanjutkan Pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di FTK | UTeM Tuan Rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar IPTA | 330 Pelajar Ikuti Program Selangkah Ke Universiti | Kakitangan UTeM Didedahkan Kaedah dan Teknik Menangani Krisis di Tempat Kerja | Kelahiran September 2011 | Majlis Sambutan Aidilfitri 1432H Berlangsung Meriah | Personaliti Pilihan

ISSN 1985 - 4706



9771985470003

## Prof. Dr. Azali dilantik Ahli LPU Baru – Kongsi Pengalaman dan Kepakaran Bersama UTeM

**7 September** : UTeM baru-baru ini telah menerima seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang baru iaitu Profesor Dr Azali Mohamed. Beliau merupakan individu yang memiliki pengalaman dan kepakaran yang luas dalam bidang pengajian tinggi yang mana kini beliau bertugas sebagai Pengarah Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar di Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) KPT.

Prof. Dr. Azali Mohamed pernah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM bermula dari Mei 2004 sehingga Mei 2010. Ketokohan beliau telah mendapat perhatian pihak KPT dan melantik beliau untuk jawatan yang disandang oleh beliau kini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui berkata, dengan adanya penglibatan Prof. Dr. Azali Mohamed yang mempunyai kepakaran dalam dunia pengajian tinggi diharap dapat terus berkongsi bersama untuk kepentingan universiti ini.



### Editor BERITA@UTeM

#### KETUA EDITOR :

Fazidah Binti Ithnin

#### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

#### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman  
Zulkifli Bin Maskuri

#### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

#### PENGEDARAN :

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Mohammad Taufik Bin Osman

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?  
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

## Laksana Program Mobiliti Pelajar Antara Dua Universiti - UTeM Meterai MoU Bersama UIB

**26 September** : UTeM terus memperkukuhkan hubungan dengan universiti serantau apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universitas Internasional Batam (UIB) di kampus universiti berkenaan.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan Rektor UIB Prof. Dr. Handoko Karjantoro menandatangani MoU disaksikan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua buah universiti.

Memorandum tersebut adalah lanjutan daripada kerjasama yang terjalin baru-baru ini dengan program mobiliti selama 1 semester yang melibatkan 9 orang pelajar UIB mengikuti pengajian di UTeM. Hadir sama ke majlis tersebut ialah pemimpin-pemimpin masyarakat di Batam yang turut mengikuti perkembangan UTeM dari sana.



## Hubungan Strategik dengan Agilent Technologies Diperluas

**19 September** : UTeM terus menggiatkan usaha menjalinkan kerjasama dua hala dengan pihak industri bagi melahirkan modal insan yang kompeten dalam bidang kejuruteraan berteknologi tinggi.

Terbaru, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM, Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail telah mengadakan kunjungan dan perbincangan dengan pihak pengurusan Agilent Technologies di Bayan Lepas Pulau Pinang.

Menurut Dr. Muhammad Ghazie, perbincangan yang diadakan bertumpu kepada peluang yang boleh dimanfaatkan berdasarkan kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua belah pihak.

Katanya, UTeM selaku universiti teknikal pertama di negara ini menawarkan peluang pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Kejuruteraan kepada kakitangan Agilent Technologies yang berminat menerusi insentif yang diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) baru-baru ini.

Dalam pada itu, pihak Agilent Technologies menyambut baik saranan UTeM dalam mempromosikan program Doktor Kejuruteraan kepada organisasi tersebut. Beberapa agenda susulan untuk meningkatkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak akan dirangka dalam masa terdekat.

## Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff Dilantik Sebagai Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

UTeM baru-baru ini mengumumkan pelantikan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), sebuah fakulti yang baharu ditubuhkan pada April 2011.

Pengumuman itu dibuat oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Naib Canselor UTeM di pejabatnya di Kampus Induk Durian Tunggal. Melalui pelantikan tersebut, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff diumumkan sebagai Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Menurut Naib Canselor, pelantikan jawatan itu dilihat akan memperkasakan universiti ini ke arah menjadi pusat kecemerlangan pengajian tinggi dalam bidang teknikal sejajar dengan aspirasi negara.

Prof. Madya Mohd Rahimi yang berkelulusan Sarjana dalam Kejuruteraan Elektrik dari University of Nottingham, United Kingdom mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2009 di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah di Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM sebelum dilantik sebagai Dekan.



## Universiti Sudan Meterai MoU Bersama UTeM – Kerjasama Strategik Dalam Bidang Kejuruteraan & ICT



**30 September** : Keunggulan UTeM selaku IPTA yang unggul dalam bidang pengajian teknikal dan ICT telah menarik minat sebuah universiti dari Sudan iaitu Al Azeem Al Azhari University (AAU) bagi menjalin kerjasama strategik bersama UTeM.



Sehubungan itu satu majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTeM dan AAU telah diadakan di kampus induk dan ini telah membuka ruang baru kerjasama dua hala dalam bidang kejuruteraan dan ICT.

Presiden AAU Prof. Dr. Mohammed Saeed Al Khalifa berkata, pihaknya begitu kagum dengan pembangunan fasiliti UTeM serta kepakaran dan pengalaman UTeM dalam bidang penyelidikan dan inovasi yang cepat menempa nama diperingkat antarabangsa dalam masa yang singkat.



## Konsortium Pengajian Tinggi Indonesia Berminat Jalin Kerjasama Program 'Double Degree' Bersama UTeM



**29 September** : Pencapaian cemerlang UTeM dalam bidang pendidikan teknikal dan penyelidikan sepanjang lebih sedekad penubuhannya telah mendapat perhatian organisasi pendidikan di Indonesia untuk menjalinkan program akademik secara usahasama di antara kedua-dua negara.

Hasrat tersebut dinyatakan sewaktu kunjungan pegawai-pegawai kanan Consortium Private University Association In West Java (KOPERTIB) ke Kampus Induk UTeM Durian Tunggal di sini.

Ketibaan delegasi disambut oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan yang kemudiannya mempengerusikan perbincangan mengenai kerjasama strategik dua hala. Melalui pelan kerjasama tersebut, KOPERTIB berminat untuk menjalinkan kolaborasi dengan UTeM melalui program-program 'double degree' dalam bidang teknologi maklumat.

Turut hadir pada perbincangan tersebut ialah wakil dari Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Semarang yang diwakili oleh Rektor Dr. Edi Neorsasongko. UDINUS yang juga rakan strategik UTeM di Indonesia menyambut baik hasrat organisasi itu untuk sama-sama berkongsi kepakaran dalam bidang teknikal.



## Program Kejuruteraan UTeM Menjadi Tumpuan Universiti Jerman

**14 September** : UTeM telah menerima kunjungan University of Applied Hochschule Landshut (HLU) Jerman baru-baru ini bagi membincangkan peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.

Delegasi HLU dihadiri oleh Presiden Prof. Dr. Karl Stoffel dan Naib Presiden Prof. Dr. Helmuth Gesch. Manakala UTeM pula diwakili oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa Prof. Dr. Nanna Suryana Herman dan Prof. Abdul Hamid Hamidon dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Menurut Prof. Dr. Nanna, objektif utama lawatan ini adalah bagi merangka kerjasama yang bersesuaian dalam perkembangan Program Sarjana Kejuruteraan Produk Elektrik dan Elektronik.

Delegasi HLU kelihatan amat tertarik akan kemudahan dan fasiliti UTeM yang lengkap serta makmal berteknologi tinggi dilengkapi peralatan yang berpadanan dengan keperluan semasa industri.



## Universiti Indonesia Rangka Kerjasama Strategik Pengurusan Teknologi



**12 September** : Keunggulan dan kredibiliti UTeM khususnya dalam bidang teknikal dan pengurusan teknologi telah menarik minat sebuah institut pengajian tinggi dari Indonesia iaitu Universitas Negeri Malang (UM) untuk menjalin kerjasama strategik.

UM telah mengadakan lawatan ke UTeM bagi membincangkan pelaksanaan program kerjasama International Double Degree antara kedua-dua universiti. Delegasi lawatan ini diketuai oleh Presiden Dr. Suparno serta tiga orang pegawainya iaitu Dr. Mit Witjaksono, Dr. I Nyoman Degeng dan Dr. Siusana Kweldju.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain dengan dihadiri Dekan dan wakil dari setiap fakulti di UTeM.

Sementara itu, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) telah diberi mandat untuk mengetuai projek ini dan akan bekerjasama dengan Pejabat Antarabangsa bagi memastikan program ini mampu dilaksanakan.

Perbincangan lanjut mengenai program ini akan dilakukan bersama FPTT, Pejabat Antarabangsa dan pihak UM dalam masa terdekat. Satu MoU dijangka akan ditandatangani pada tahun hadapan.



# UTeM Tuan Rumah Debat Alam Sekitar Peringkat IPT Malaysia

**27 September** : UTeM telah dipilih menjadi tuan rumah Pertandingan Debat Alam Sekitar kali ke 21 peringkat IPT Malaysia di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Sebanyak 28 pasukan dari IPTA dan IPTS menyertai pertandingan pada tahun ini menyaksikan pelbagai topik hangat berkaitan isu alam sekitar dibahaskan. Di peringkat akhir, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul juara apabila mengenyepikan cabaran Universiti Malaya (UM) dalam perbahasan bertajuk Kelestarian Alam Sekitar Membina Ketamadunan Bangsa.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dr. Abdul Rahim Nik mewakili Menteri, Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

Selaku juara, USIM membawa pulang hadiah wang tunai RM 8,000 dan piala pusingan manakala UM meraih RM 5,000 serta piala iringan.



## Majlis Aidilfitri Kor SUKSIS Meriah

**21 September** : Kor Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) UTeM tidak ketinggalan dalam memeriahkan suasana sambutan hari raya dengan mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri.

Menurut Pegawai Penyelaras Kor SUKSIS, ASP Kamarudin Alias, antara objektif utama diadakan program ini adalah bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara sesama anggota dan warga UTeM.

Di samping itu majlis ini juga turut berperanan dalam memperkenalkan Kor SUKSIS UTeM sebagai salah satu aktiviti ko kurikulum yang patut diceburi oleh para pelajar kerana ianya mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Majlis diserikan dengan kehadiran Timbalan Komandan Kor SUKSIS UTeM, Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husain yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni HEPA.



## Mohd Thoriq Rangkul Anugerah Pelajar Gemilang UTeM

**23 September** : Mohd. Thoriq Mohd. Zaid, pelajar tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah dianugerahkan Pelajar Gemilang di dalam Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar bagi tahun 2010.



Beliau dipilih kerana aktif dan banyak memegang jawatan di dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), persatuan dan kelab serta bergiat cergas dalam Jawatankuasa Kolej Kediaman Luar dan turut menganggotai Persatuan Alumni UTeM dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) cawangan Melaka.

Sehubungan itu beliau juga turut cemerlang di dalam bidang akademik di FKEKK seterusnya melayakkan beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak RM300, Sijil penghargaan dan hadiah iringan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Penolong Naib Canselor HEPA, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman. Turut hadir Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad, pegawai-pegawai dan kakitangan HEPA dan wakil-wakil fakulti, kelab dan persatuan.



## FPTT Raihan Penerima Anugerah Sijil Kepujian Dekan

**27 September** : Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan (FPTT) telah mengadakan Majlis Anugerah Sijil Kejujian Dekan bertempat di salah sebuah hotel di Bandaraya Melaka baru-baru ini.

Menurut Dr. Md Nor Hayati Tahir, Dekan FPTT, objektif utama diadakan majlis ini adalah untuk meraikan kejayaan pelajar-pelajar fakulti itu yang telah berjaya mempamerkan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Seramai 63 orang pelajar telah terpilih dan dianugerah Sijil Kejujian Dekan iaitu seramai 17 orang daripada program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pemasaran Teknologi Tinggi), manakala 15 orang pelajar jurusan Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Inovasi Teknologi) dan selebihnya seramai 31 orang pelajar program Sarjana Muda Teknousahawanan.

Tambah beliau lagi, majlis sebegini menjadi satu platform yang memberi perangsang kepada para pelajar lain agar bersama-sama menonjolkan kehebatan dalam bidang akademik.



## Pendaftaran Pelajar Baru UTeM Sesi 2011/2012 CATAT PENINGKATAN MENDADAK - Pelajar Cenderung Bidang Teknikal & ICT

**4 September** : UTeM mencatatkan kemasukan seramai 2,216 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda pada hari pendaftaran yang diadakan di Kampus Induk, Durian Tunggal.

Menurut angka yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) UTeM, daripada jumlah tersebut seramai 1,162 orang pelajar terdiri daripada lelaki manakala baki 1,054 orang merupakan pelajar perempuan yang bakal mengikuti pengajian di 7 fakulti yang terdapat di universiti ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui pada hari pendaftaran pelajar baru semalam berkata, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) merekodkan kemasukan pelajar tertinggi dengan 378 orang diikuti fakulti baru iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) seramai 360 orang.

Dengan pelaksanaan jadual semester yang baru, UTeM telah menerima lebih 500 pelajar diploma pada bulan Mei lalu dan jika ditambah dengan angka hari ini maka jumlah pelajar baru yang diterima pada tahun ini melebihi 2,700 orang pelajar, jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Katanya, faktor pengajian secara praktikal dan berfokus dalam bidang kejuruteraan, ICT dan teknologi kejuruteraan merupakan satu daya tarikan kepada pelajar-pelajar tersebut selain kecemerlangan penyelidikan UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, katanya lagi.



## Universitas Kepulauan Karimun Indonesia *lawat* KEMUDAHAN PERSATUAN PELAJAR



**29 September** : Seramai 21 pelajar dan 5 orang pegawai dari Universitas Kepulauan Karimun (UKK), Indonesia yang diketuai oleh Rektor Abd. Latif Abd. Hamid telah mengadakan lawatan sambil belajar ke UTeM.

Menurut Abd. Latif, antara objektif lawatan ke UTeM adalah bagi menimba pengalaman dan pengetahuan mengenai perjalanan aktiviti pelajar, pengurusan kelab dan persatuan yang ada di sini.

Beliau berharap agar kedua-dua universiti, UTeM dan UKK dapat menjalinkan hubungan kerjasama di masa akan datang dalam bidang sukan dan kebudayaan.

Menurut beliau lagi, UKK merupakan universiti yang baru ditubuhkan pada tahun 2008 dan turut menawarkan kursus dalam bidang kejuruteraan.

Rombongan telah diberi taklimat mengenai universiti ini dan fungsi Pejabat HEPA serta perjalanan pentadbiran MPP. Rombongan juga telah dibawa melawat ke bilik orkestra, bilik latihan kebudayaan dan bilik-bilik untuk persatuan dan kelab di bangunan PPP dan sekitar kampus.

## MINGGU HALUAN SISWA *Berlangsung* Meriah



**5 September** : Perasmian Minggu Haluan Siswa (MHS) telah disempurnakan oleh Y.B Datuk Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II di Dewan Besar UTeM. Ketibaan beliau telah disambut oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Ketika menyampaikan ucapan, Datuk Saifuddin mengucapkan tahniah kepada mahasiswa yang terpilih melanjutkan pengajian ke UTeM. Beliau juga menyeru agar mahasiswa menjauhi tabiat buruk yang boleh menjejaskan nama baik universiti. Seruan beliau telah disambut dengan tepukan gemuruh oleh semua mahasiswa yang hadir di majlis itu.

MHS yang berlangsung selama seminggu dimuatkan dengan pelbagai aktiviti yang memberi pendedahan kepada mahasiswa baru mengenai kehidupan di alam universiti. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan menjurus kepada pembentukan sahsiah dan kerja berpasukan di samping memupuk semangat 1 Malaysia.

Pada malam kemuncak MHS, Malam Kebudayaan dan Majlis Penutup telah diadakan dengan penuh warna-warni. MHS pada tahun diakhiri dengan pelbagai persembahan oleh mahasiswa baru yang menunjukkan bakat terpendam melalui persembahan lakonan, tarian dan nyanyian.

## Kolokium Penyelidikan Dan Ilmiah Anjuran PBPI – PERKONGSIAN HASIL PENYELIDIKAN BERMUTU TINGGI

**30 September** : Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah mengadakan Kolokium Penyelidikan dan Ilmiah baru-baru ini.

Objektif utama diadakan kolokium tersebut adalah sebagai platform kepada kakitangan akademik di UTeM untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan hasil kajian masing-masing dalam satu forum keilmuan.

Menurut Dekan PBPI, Dr. Mariana Yusoff berkata, penglibatan secara aktif oleh staf akademik untuk melakukan penyelidikan memerlukan satu saluran untuk dikongsi bersama. Dengan adanya Kolokium Penyelidikan dan Ilmiah ini, usaha membudayakan penyelidikan dan ilmu di UTeM dapat dilaksanakan.

Tambah beliau lagi, pihak Jabatan Pembangunan Insan (JPI) telah mencadangkan sebanyak 6 siri Kolokium Penyelidikan dan Ilmiah PBPI diadakan sepanjang tahun 2011 ini.

Peluang juga akan dibuka kepada warga akademik di PBPI untuk membentangkan ilmu, pengalaman dan hasil kajian terkini dalam bidang masing-masing supaya dapat dikongsi bersama dengan warga akademik yang lain. Program itu telah disertai oleh hampir 100 orang staf akademik.

## Program PINTAR Siri 6/2011 FKE REDAH SELAT MELAKA



**25 September** : Kali ini giliran staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) terlibat dalam Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) Siri 6 yang diadakan di Port Dickson baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof Datuk. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan hadir merasmikan program tersebut. Melalui ucapannya, beliau menyeru semua peserta agar menghayati semua aktiviti yang dijalankan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari sekembalinya ke universiti nanti.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program itu berlangsung. Aktiviti wajib PINTAR iaitu berakit telah memberikan cabaran getir apabila peserta terpaksa menempuh ombak laut Selat Melaka untuk menamatkan perlumbaan.

Turut dimuatkan semasa program berlangsung ialah kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, teknik berfikir secara kreatif serta pemupukan nilai-nilai kerohanian. Program yang dianjurkan oleh Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) itu turut mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai kanan UTeM yang hadir sebagai fasilitator untuk membimbing para peserta.

## Pelajar Lepasn Diploma KKTm Berpeluang *lanjutkan* *pengajian* Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di FTK



**22 September** : Pelajar lepasn diploma Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) berpeluang melanjutkan pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM.

Satu sesi perbincangan telah diadakan antara FTK bersama Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) yang bertujuan membuka peluang kepada pelajar diploma lepasn KKTm bagi menyambung pengajian di peringkat Ijazah di sini.

Perbincangan tersebut telah dipengerusikan oleh Dekan FTK, Prof Madya Mohd Rahimi Yusoff manakala KKTm pula diwakili seramai 20 orang delegasi yang diketuai oleh Pengarah KKTm Kuantan, Hambali Ahmad.

Turut hadir Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Program dari KKTm Pasir Mas, Balik Pulau, Kuantan, Johor dan pegawai dari Bahagian Kemahiran Teknikal MARA yang berperanan sebagai urusetia.

## UTeM Tuan Rumah MESYUARAT JAWATANKUASA PENDAFTAR IPTA



**14 September** : UTeM telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar IPTA seluruh Malaysia yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canselori dengan dihadiri oleh para Pendaftar dan pegawai dari universiti-universiti terbabit.

Menurut Pendaftar UTeM Hasan Sirun berkata, antara objektif utama diadakan mesyuarat tersebut ialah bagi membentangkan cadangan bagi pelantikan baru untuk jawatan Pengerusi dan Sekretariat Jawatankuasa Pendaftar-Pendaftar IPTA Malaysia.

Tambah beliau lagi, mesyuarat telah sebulat suara bersetuju mengekalkan jawatan Pengerusi agar terus disandang oleh Pendaftar Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu Dr. Zahrah Mokhtar.

Seterusnya perbincangan turut menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan pentadbiran dan lebih menurus kepada perkongsian maklumat bersama 20 buah universiti awam Malaysia.

## 330 Pelajar ikuti



# Program SELANGKAH KE UNIVERSITI



**21 September** : Seramai 330 orang pelajar Tingkatan 4 dari 8 buah Parlimen di negeri Melaka dan Johor Utara telah mengikuti program Selangkah Ke Universiti yang telah diadakan di Kampus Induk UTeM.

Program anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dirasmikan bagi peringkat zon selatan oleh Puan Seri Noorainee Abd Rahman, Timbalan Yang Di-Pertua BAKTI di Dewan Besar UTeM.

Bagi menjayakan program yang berimpak besar ini pelbagai pengisian telah diatur dan dilaksanakan antaranya lawatan ke fakulti-fakulti, perpustakaan serta ke makmal-makmal berteknologi tinggi yang terdapat di sini.

Pelajar juga turut didedahkan dengan aktiviti bermanfaat seperti kerja berkumpulan, ceramah motivasi dan beberapa aktiviti bertujuan menyuntik semangat dan pengalaman suasana pembelajaran di universiti.



## Kakitangan UTeM didedahkan Kaedah Dan Teknik Menangani Krisis Di Tempat Kerja



**22 September** : Bahagian Kesejahteraan Personal (BKP) Pejabat Pendaftar UTeM telah menganjurkan program Motivasi Bulanan bertempat di Auditorium Bangunan Canselori baru-baru ini bertajuk "Sabor Jer La Yob".

Objektif utama program ini adalah bagi menyalurkan informasi dan kaedah kepada peserta dalam mencari jalan dan jawapan bagaimana menangani pemasalahan atau krisis yang berlaku di tempat kerja.

Tambah beliau lagi para peserta diajak untuk mengupas intipati tajuk tersebut lebih kepada kecenderungan sikap, pengurusan masa bekerja dan bagaimana untuk mengawal emosi serta meredakan tekanan di tempat kerja.

Sementara penceramah juga turut berkongsi beberapa petua bagaimana untuk mengatasi kemarahan dan tekanan yang boleh mengganggu prestasi seseorang pekerja dalam situasi dan krisis yang tidak diingini.

Program motivasi yang berimpak ini telah disampaikan oleh Mohd Hanuar bin Mohd Talib iaitu Pengarah dari MEPS Consultant di hadapan peserta program yang terdiri daripada kakitangan akademik dan pentadbiran universiti ini.



## Kelahiran September 2011

Berita@UTeM mengucapkan tahniah kepada staf berikut yang telah menerima kelahiran cahaya mata baru-baru ini.



Sayyidah Akma & Akma Huda

Nama Staf :  
Musa bin Abdullah  
(Pejabat Pembangunan)


Nama Anak :  
Sayyidah Akma Binti Musa &  
Akma Huda binti Musa  
(Bayi Kembar)

Tarikh Lahir :  
6 September 2011

Nama Staf :  
Suhaila binti Hassan  
(Pejabat Antarabangsa)

Nama Anak :  
Damia Eryna Binti Mohamad Noriadee

Tarikh Lahir :  
13 September 2011



Damia Eryna



Auni

Nama Staf :  
Mohd Anas bin A'Denar  
(Pejabat Pendaftar)

Nama Anak :  
Auni Binti Mohd Anas

Tarikh Lahir :  
22 September 2011



**MOHD NAZRUL BIN MOHD SHAFRI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O)  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
PENDAFTAR

Mohd Nazrul mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2008. Seorang yang aktif dan kaya dengan senyuman, beliau merupakan antara staf universiti ini yang sering terlibat dalam aktiviti lasak dan kembara anjuran Backpackers Adventure Team (BAT).

Menurut Nazrul, menyertai aktiviti rekreasi seperti mengembara menjelajah gunung memberi kepuasan kepadanya di samping dapat menikmati keindahan alam sekitar. Kejayaan menawan puncak Gunung Kinabalu merupakan pencapaian yang tidak akan beliau lupakan.

Selain menyertai aktiviti lasak, Nazrul turut menyumbang bakti mewakili universiti dalam sukan tenis pada Sukan Antara Staf Universiti Malaysia (SUKUM) baru-baru ini. Selain itu, beliau juga melibatkan diri dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) menerusi acara ping pong dan bola sepak.

Merupakan peminat setia pasukan Liverpool, Nazrul tidak akan melepaskan peluang menyaksikan pemain idolanya, Steven Gerard beraksi setiap kali perlawanan bola sepak berlangsung.



**SITI AISHAH BINTI ABDUL RAHMAN**  
PEMBANTU AIM PEJABAT  
CANSELORI

Siti Aishah menyertai UTeM pada bulan Januari 2008 dan ditempatkan di Pejabat Naib Canselor untuk melaksanakan urusan pentadbiran pejabat tersebut. Berasal dari Durian Daun Melaka, Siti Aishah amat dikenali sebagai seorang yang ceria dan peramah.

Selain kerja-kerja pentadbiran, Siti Aishah juga terlibat dalam majlis-majlis rasmi universiti terutama sekali dalam melaksanakan urusan protokol. Pengalaman yang dimiliki selama ini digunakan sepenuhnya dalam menjayakan Majlis konvokesyen, Minggu Haluan Siswa dan pelbagai majlis rasmi lain.

Menggemari masakan yang pedas, Siti Aishah akan menghabiskan masa lapangnya dengan keluarga tercinta di rumah. Beliau yang mementingkan bidang jahitan, sentiasa mencari idea dan fesyen terbaru melalui buku, majalah serta internet untuk meningkatkan kemahirannya.

Selaku penerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada tahun ini, Siti Aishah mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang memberi tunjuk ajar dan dorongan kepadanya untuk melaksanakan tugas dengan jayanya.

# Majlis Sambutan Eidulfitri

1432H

Berlangsung Meriah




**20 September** : Kemeriahan sambutan Eidulfitri masih hangat terasa oleh semua warga universiti yang hadir di majlis sambutan pada tahun ini. Perkarangan Dewan Besar bertukar menjadi syurga makanan apabila sebanyak 27 gerai didirikan bagi menyediakan pelbagai hidangan kepada hadirin.

Kehadiran Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr. Ir. Mohd Zaidee bin Laidin, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti. Tun Canselor kemudiannya diiringi oleh Pegawai-pegawai Kanan untuk melepaskan belon sebagai simbolik kepada perasmian sambutan Eidulfitri tahun ini.

Selesai perasmian, Tun Canselor dibawa melawat ke setiap gerai-gerai PTJ sambil menikmati hidangan yang disediakan. Sikap mesra Tun Canselor menyaksikan ramai warga UTeM mengambil kesempatan untuk bersalaman dan bergambar dengan beliau. Petugas-petugas di setiap gerai juga tidak melepaskan peluang bergambar bersama pemimpin yang disanjung itu.

Seperti tahun sebelumnya, beberapa kategori pertandingan gerai diadakan untuk memberi peluang kepada setiap PTJ menunjukkan kreativiti masing-masing. Dapat dilihat dengan jelas setiap PTJ bersungguh-sungguh menghias khemah dengan pelbagai peralatan perhiasan dipasang demi memburu tempat pertama.

Pada tahun ini tema sambutan mempunyai sedikit kelainan apabila setiap PTJ dibahagikan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Lebih unik apabila pelajar antarabangsa UTeM turut memeriahkan sambutan dengan pelbagai hidangan dan pakaian tradisional yang dipersembahkan pada hari itu.



## Jalanan Strategik Pemangkin Kejayaan Akademika

**16 Februari 2011** : UTeM & TM bekerjasama laksanakan rangkaian metro-e di seluruh kampus UTeM

**15 Mac 2011** : UTeM, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) merangka jalinan kerjasama dua hala bagi memperkasakan pengajian teknikal dengan penekanan diberikan terhadap pembangunan pelajar dan akademik.

**19 Mei 2011** : Kunjungan Presiden Man & Tel Prof. Dr. Jung Kwang Kwok ke UTeM adalah bersempena dengan majlis penyerahan sumbangan beberapa unit peralatan telekomunikasi berteknologi tinggi yang bakal digunakan di dalam pembelajaran mahasiswa UTeM di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

**24 Mei 2011** : Pencapaian cemerlang dalam bidang pendidikan teknikal dan penyelidikan sepanjang lebih sedekad penubuhannya telah mendapat perhatian Universitas Indraprasta (UNINDRA) Indonesia untuk menjalinkan program akademik secara usahasama di antara kedua-dua negara.

**8 Jun 2011** : UTeM dan Lotus Engineering Malaysia baru-baru ini telah mengadakan perbincangan bagi mengenalpasti peluang kepada penyelidik UTeM untuk bekerjasama dengan pakar-pakar dalam pelbagai bidang antaranya mekanikal, elektronik dan pembuatan.

**3 Julai 2011** : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah mengadakan lawatan ke Vienna University of Technology (TUW) Austria bagi memperkukuhkan hubungan dua hala dan seterusnya merangka program mobiliti yang bakal memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

**4 Julai 2011** : UTeM melebarkan jaringan kerjasama strategik di peringkat antarabangsa setelah menandatangani satu lagi MoU dengan Fachhochschule Hannover University of Applied Science (FHH) Jerman yang memberi perhatian kepada perkongsian bahan-bahan saintifik yang boleh dijadikan rujukan bersama.

**6 Julai 2011** : UTeM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Thurgood Marshall College Fund (TMCF) yang merupakan sebuah organisasi mewakili 47 buah universiti awam di Amerika Syarikat. MoU tersebut akan meningkatkan kerjasama penyelidikan di antara kedua-dua institusi pengajian tinggi awam.

**25 Julai 2011** : UTeM menandatangani MoU dengan enam syarikat iaitu Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM), Infineon Technologies (Kulim), Infineon Technologies (Melaka), Solid Precision Engineering, National Semiconductor (Melaka) serta Rubber Leisure Products Sdn. Bhd. dalam melaksanakan penawaran program Doktor Kejuruteraan, yang pertama kali ditawarkan oleh IPTA teknikal.

**28 Julai 2011** : UTeM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah universiti dari Indonesia iaitu Universitas Sebelas Maret (UNS) yang memfokuskan program mobiliti dan pertukaran pelajar dan staf antara kedua-dua buah universiti.

**17 Ogos 2011** : Majlis Menandatangani Perjanjian di antara Kerajaan Negeri Melaka, UTeM, MIMOS dan PERNEC bagi meningkatkan kebolehcapaian internet menggunakan teknologi yang dikenali sebagai "WiWi" di tempat awam telah berlangsung di Seri Negeri.

**26 September 2011** : Pelajar Lيسان Diploma Kolej Kemahiran Tinggi MARA berpeluang melanjutkan pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM menerusi kerjasama strategik yang dijalinkan baru-baru ini.



## Penyelidikan & Inovasi Bertaraf Global

**19 Februari 2011** : Malaysia Technology Expo 2011 (MTE 2011) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menyaksikan penyelidik UTeM telah meraih dua pingat emas, lima perak dan 11 gangsa serta produk 'My 2nd Eye' dinobatkan Anugerah Terbaik (Best Award) serta menggondol Hadiah Khas (Special Prize) oleh Asia Invention Association.

**6 April 2011** : Penganjuran pertandingan inovasi Innovation and Technology Competition 2011 (INOTEK 2011) oleh Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) berjaya menyuntik semangat mahasiswa untuk terus menghayati budaya inovasi dan kreativiti.

**10 April 2011** : Penyelidik UTeM mencipta kejayaan gemilang di peringkat antarabangsa ketika menyertai 39th International Exhibition of Inventions di Geneva, Switzerland dengan meraih dua pingat emas, dua perak dan satu gangsa melalui produk-produk yang dipertandingkan serta Anugerah Khas daripada Swiss Automobile Association.

**21 April 2011** : Sebanyak 45 Projek Sarjana Muda (PSM) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dipertandingkan dalam Design and Innovation Technology 2011 (DENOTECH 2011).

**20 Mei 2011** : Penyelidik UTeM mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai 22nd International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2011 (ITEX 2011) dengan meraih satu anugerah khas, tiga pingat emas, sepuluh perak dan enam gangsa menjadikan sejumlah 20 pingat diraih melalui produk-produk inovasi yang dipertandingkan.

**11 Ogos 2011** : Keunikan motorsikal elektrik yang dikenali sebagai "E-Bike" hasil ciptaan pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Safarudin Gazali telah dipilih oleh juri sebagai Produk Paling Inovatif pada Hari Penyelidikan FKM yang diadakan.

**9 September 2011** : Lampu isyarat paparan tunggal (SDTF) hasil inovasi dua penyelidik dari UTeM iaitu Engr. Siva Kumar Subramaniam dan Mazran Esro bakal menembusi pasaran antarabangsa iaitu ke Singapura tidak lama lagi.

**15 September 2011** : Sebanyak 14 pingat termasuk satu Anugerah Khas dirangkul oleh penyelidik UTeM di Persidangan Dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2011 (PECIPTA 2011) di Kuala Lumpur.



## Mahasiswa Cemerlang Negara Gemilang

**12 Februari 2011** : Pesta Ponggal disambut meriah oleh mahasiswa pelbagai bangsa yang berganding bahu menayakan festival itu.

**16 Mac 2011** : Kor SUKSIS UTeM melaksanakan latihan cegah jenayah dan pemeriksaan kenderaan melibatkan 62 anggota pasukan beruniform itu.

**26 Mac 2011** : Karnival Wajadiri peringkat kebangsaan mencatat sejarah tersendiri apabila pelbagai seni mempertahankan diri dipersembahkan bagi mengajak mahasiswa menceburi aktiviti yang boleh meningkatkan sahsiah diri.

**16 April 2011** : Karnival Sukan Rekreasi IPT Melaka berlangsung di UTeM berjaya menarik minat penggemar sukan tersebut mengikuti pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

**21 April 2011** : Pilihanraya bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011 berlangsung dengan jayanya di Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandar dan Kampus Industri di Ayer Keroh.

**30 Mei 2011** : Mahasiswa UTeM yang baru mendaftar mendapat suntikan semangat daripada Angkasawan Negara pada sesi motivasi yang diadakan di Dewan Besar sempena Minggu Haluan Siswa.

**22 Jun 2011** : Bermain dengan penuh semangat dan penerapan disiplin yang tinggi merupakan formula kejayaan skuad bola sepak UTeM ketika mengakhiri kempen sebagai naib johan Liga Bola Sepak IPT dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM 5,000 beserta pingat.

**25 Jun 2011** : Dekan dan pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) menjadi tetamu khas pada rancangan Generasi Y yang disiarkan secara langsung di TV1.

**26 Jun 2011** : Penduduk Taman Mawar, Pasir Gudang Johor berpeluang mengenali UTeM dengan lebih dekat melalui penganjuran Karnival Pengajian Tinggi Teknikal & Teknologi yang dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Khaled Nordin.

**29 Jun 2011** : Lawatan ilmiah mahasiswa UTeM ke Songkhla, Thailand berjaya merapatkan hubungan antara universiti serta memberi pendedahan global kepada peserta.

**26 Julai 2011** : Skwad Perodua ERA menggegarkan Bangunan Persatuan Pelajar apabila kunjungan mereka di sini serbu kira-kira 100 pelajar yang menanti kehadiran mereka.

**20 Ogos 2011** : Mahasiswa UTeM berbakti kepada masyarakat melalui majlis gotong royong memasak bubur lambuk yang diadakan di Kampung Tengah, Sungai Terap Muar.

**4 September 2011** : Pendaftaran pelajar program Ijazah Sarjana Muda berlangsung dengan kemasukan lebih 2,000 pelajar mendaftar pada hari tersebut. Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) mencipta sejarah apabila menerima kemasukan 362 orang pelajar pertamanya yang akan mengikuti 10 kursus yang ditawarkan.



## Amanat Presiden AUTeM

Bersempera Konvo UTeM kali ke-7, saya mewakili Persatuan Alumni UTeM ingin mengucapkan tahniah kepada bakal graduan yang telah berjaya mengharungi tempoh masa untuk memantapkan anda menggendang segulung ijazah.

Kini cabaran terbaru bakal ditempuhi, bermula dengan anda perlu menjual kelayakan anda kepada majikan seterusnya mendaki tangga kerjaya anda. Pesanan saya janganlah dilupa jasa individu yang telah membantu anda merealisasikan impian anda, terutama kepada ibu bapa tersayang. Jika mereka masih ada berusahalah bersama mengembirakan hati mereka seupaya mungkin dan kepada yang tiada yakinlah doa dan sedekah jariah anda niatkan sampai kepada mereka.

Kepada keluarga UTeM anda pula, sekurang-kurangnya sesekali merehatkan minda di Melaka jenghlah mereka atau berhubunglah terus ber 'SMS' atau ber 'Facebook' dengan mereka.

Platform AUTeM juga amatlah baik dimanfaatkan bagi meneruskan silaturrahim bersama kawan-kawan di UTeM dahulu. Pelbagai aktiviti ukhwah dirancang bagi mengukuhkan jaringan sesama kita.

Layarilah dan berdaftarlah laman web AUTeM di [www.autem.org.my](http://www.autem.org.my) bagi mendapatkan informasi terkini aktiviti-aktiviti AUTeM. Platform media sosial kita dapat ditemui di [www.facebook.com/autemian](http://www.facebook.com/autemian). Jadi teruslah berhubung bagi mendapat manfaat dari teknologi jaringan manusia.

**Mohd Rahshidi Zakaria**  
Presiden  
Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM)  
Sesi 2011/2013

